

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, November 29, 2018 8:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pensyarah UUM Terima Anugerah Pengajaran Majlis Anugerah Akademik Negara 2018



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

29 NOVEMBER 2018 / 21 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Seksyen Media dan Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim

PENSYARAH UUM TERIMA ANUGERAH PENGAJARAN MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK NEGARA 2018



UUM ONLINE: Putrajaya - Universiti Utara Malaysia (UUM) terus menempa kejayaan demi kejayaan apabila pensyarah di Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim menerima Anugerah Pengajaran (Kelompok Sastera

Gunaan dan Sains Sosial Gunaan) pada Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) 2018, baru-baru ini.

Anugerah yang disampaikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad itu membolehkan beliau membawa pulang wang tunai RM50,000 berserta trofi dan sijil.

Tun Dr. Mahathir dalam ucapannya berkata, kerajaan masih berbangga dengan pencapaian ditunjukkan institusi pendidikan tinggi dan ahli akademik tempatan walaupun sering dikritik.

Menurutnya, pencapaian itu menyumbang kepada strategi untuk terus meletakkan martabat pendidikan negara di peringkat antarabangsa.

"Ahli akademik adalah golongan paling penting dalam melahirkan graduan yang mampu menghadapi cabaran masa depan dan bukan hanya menguasai ilmu sahaja, sebaliknya turut memiliki nilai dan kebijaksanaan.

"Penerima anugerah bagi AAN 2018 bukan sahaja mencipta nama di dalam negara, malah diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana sumbangan besar dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara," katanya.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau bangga di atas pencapaian pensyarah UUM tersebut yang telah mengharumkan nama universiti kerana ia merupakan julung kali UUM menempa nama dalam AAN Ke-12.

Katanya, kejayaan itu juga membuktikan kualiti pensyarah UUM diiktiraf negara, seterusnya membantu dalam memartabatkan nama universiti di peringkat lebih tinggi.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Fauziah berkata, anugerah tersebut adalah suatu pengiktirafan di peringkat negara dan beliau sangat bersyukur kerana menerima pengiktirafan itu.

Menurutnya, anugerah itu juga sekali gus memberi suntikan kepadanya bahawa pengajaran juga boleh diberi pengiktirafan setanding penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan serta seni kreatif.

"Saya berharap universiti juga dapat memberi ruang dan perhatian terhadap kualiti pengajaran, malah memberi ruang kepada pensyarah untuk mereka bentuk pengajaran dan pembelajaran dengan aktiviti pembelajaran yang membantu pelajar menguasai ilmu dengan cara bermakna supaya ilmu tersebut dapat dimanfaatkan kepada orang lain.

"Selain itu, saya juga berharap dengan kejayaan ini akan membuka ruang kepada rakan-rakan untuk bertanding dalam tujuh kategori lain dalam AAN yang diadakan setiap tahun itu," katanya.

Beliau juga turut merakamkan setinggi penghargaan kepada keluarga, rakan-rakan serta pengurusan universiti khususnya Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti yang telah banyak membantu semasa proses penyediaan dan permohonan dalam AAN bagi kategori yang dimenangi itu.

Tambah beliau lagi, tidak dilupakan kepada semua pelajar sepanjang perkhidmatannya sebagai seorang pendidik - *you're my source of inspiration and this one's for you!*


Pakar ekonomi, Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram telah dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Negara ke-12 pada majlis tersebut yang turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Tun

Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Selain Anugerah Pengajaran, turut dipertandingkan Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Seni dan Kreativiti (Kelompok Kraf), Anugerah Seni dan Kreativiti (Kelompok Penulisan Kreatif), Anugerah Pengajaran (Kelompok Sains Tulen) dan Anugerah Ahli Akademik Harapan.

Anugerah yang diperkenalkan pada tahun 2006 itu menjadi acara tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memberi pengiktirafan tertinggi kepada ahli akademik sebagai menghargai kecemerlangan serta sumbangan mereka dalam melonjakkan nama Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Penerima anugerah dipilih oleh satu jawatankuasa terdiri daripada ahli akademik dan industri dalam pelbagai bidang kepakaran untuk menilai tahap pencapaian setiap penyertaan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.